

## **Perutusan Hari Raya Aidil Fitri**

Radio Dan Televisyen Malaysia, 5 Disember 2002

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat nikmat yang dilimpahkan kepada kita, sekali lagi kita umat Islam di Malaysia dapat merayakan Hari Raya Aidil Fitri dengan aman, selamat dan ceria setelah sebulan kita menyempurnakan ibadah puasa di bulan Ramadhan.

2. Beginilah keadaan kita di Malaysia setiap kali kita merayakan Hari Raya, kita sentiasa berada dalam keadaan penuh kemeriahan. Begitu juga apabila kita merayakan apa jua perayaan atau hari kebesaran penganut agama-agama lain. Bagi Umat Islam suasana tenteram kita nikmati sepanjang bulan Ramadhan. Masjid dan surau dipenuhi jemaah mengerjakan sembahyang terawih, memohon keberkatan Allah S.W.T. di bulan yang mulia ini, tanpa sebarang gangguan atau halangan. Pasar-pasar Ramadhan menjual beraneka jenis kuih-muih dan juadah lain. Kompleks membeli-belah dan pusat-pusat jualan sentiasa penuh dengan orang ramai yang ingin membeli pelbagai kelengkapan menyambut hari kebesaran ini. Bagi yang mampu, berbuka puasa di hotel di sekitar bandaraya kian menjadi kebiasaan. Bagi mereka yang kurang berada, ada pihak-pihak yang prihatin yang menyumbang agar nikmat dan rahmat ini turut dikecapi bersama. Demikianlah kemewahan dan kemakmuran yang kita nikmati sebagai rakyat negara yang bertuah ini, yang kita nikmati tanpa melupakan ibadat dan ajaran agama kita.

3. Kini setelah selesai kita melakukan rukun Islam yang ketiga dengan cukup sempurna, kita akan merayakan Aidilfitri. Di pagi 1 Syawal, dengan berpakaian serba baru, kita akan bertumpu ke masjid dan surau dan bersama-sama bertakbir dan melakukan sembahyang sunat berjemaah Hari Raya. Kita akan bersalam-salaman dan bermaaf-maafan antara satu sama lain, antara keluarga dan sahabat handai, kenalan kita dan sesiapa sahaja

4. Kita akan gunakan hari ini untuk mengeratkan hubungan kita sesama umat Islam. Kita akan pergi berkunjung ke rumah kaum keluarga serta rakan-rakan dan juga mereka yang kerana sebab tertentu kita kurang mesra. Inilah juga masanya untuk kita rujuk semula dengan memohon maaf zahir dan batin. Peluang ini juga dapat kita gunakan untuk merapatkan hubungan antara kaum dengan menjemput rakan-rakan kita yang beragama lain untuk bersama-sama ke rumah terbuka kita

5. Kita dapat melakukan kesemua ini dengan sempurna kerana negara kita aman, makmur dan diberkati Allah S.W.T. dengan segala bentuk kemewahan. Semestinya kita bersyukur dengan segala nikmat ini. Sebenarnya kerana kita bersyukur dan bersikap mesra inilah yang negara kita aman, tenteram dan

makmur. Kita harus insaf dengan nasib baik yang kita nikmati ini memandangkan rusuhan kaum dan agama berlaku di negara berbilang kaum yang lain.

6. Kita harus sedar bahawa rata-rata umat Islam ditindas, ditekan dan dimusuhi. Lebih-lebih lagi setelah kejadian serangan 11 September. Maruah umat Islam kini begitu rendah sekali. Umat Islam dihina di mana-mana sahaja. Setelah runtuhnya Empayar Othmaniah, wilayah orang Islam dirampas, orang Islam diusir dari wilayah mereka, diserang dan dibunuh apabila mereka cuba menebus balik wilayah mereka

7. Sesiapa sahaja yang beragama Islam kini disyaki sebagai pengganas. Negara-negara Islam dianggap sebagai tempat yang bahaya bagi pelabur dan pelawat asing sehingga ekonomi negara Islam terjejas. Di sesetengah negara, rumah orang Islam dicerobohi dan dirosakkan oleh pihak berkuasa, orang-orang Islam ditahan sewenang-wenangnya hanya kerana disyaki sebagai pengganas atau semata-mata kerana beragama Islam. Masjid-masjid dibakar dan dirosakkan kerana sentimen anti Islam.

8. Di Palestin, rejim Israel dengan bebas mengganas, membunuh penduduk Palestin tanpa mengira batas umur atau jantina, merobohkan rumah-rumah mereka. Bandar-bandar dirobuhkan oleh tentera Israel untuk membalas dendam terhadap perbuatan ganas segelintir rakyat Palestin yang terlalu kecewa dengan tindakan ganas Israel dan dunia yang mengizinkannya.

9. Kita tidak merestui sebarang keganasan oleh sesiapa sahaja. Tetapi jika sesiapa ingin mencegah keganasan mereka perlu tahu sebab-sebabnya dan berusaha untuk mengatasi sebab-sebab ini. Hakikatnya ialah semua pemberontakan dan keganasan rakyat Palestin bermula apabila wilayah Arab dirampas oleh kuasa Barat untuk dijadikan Negara Yahudi Israel, dan orang Arab Palestin diusir dari rumahtangga mereka, dihalau dari wilayah mereka, menjadi orang buangan sehingga ke hari ini. Lebih daripada itu Israel telah menyerang dan memperluaskan wilayah mereka sehingga tinggal hanya kawasan yang sempit bagi rakyat Palestin. Dan semua ini dibuat dengan restu yang tidak bersuara oleh bangsa-bangsa yang bercakap tidak berhenti-henti berkenaan dengan hak asasi manusia, berkenaan dengan demokrasi dan lain-lain.

10. Sesungguhnya keadilan sudah tidak ada lagi di dunia sekarang. Sesungguhnya yang kuat akan melakukan apa sahaja dengan kepercayaan bahawa yang lemah tidak ada pilihan melainkan menerima tekanan dan ketidakadilan yang dijadikan bahagian mereka.

11. Pendapat bahawa yang kuat boleh buat apa sahaja adalah salah. Kata pepatah "Tak dapat tanduk, telinga dipulas". Yang

lemah tidak dapat mematah tanduk, tidak dapat mengalahkan penindas mereka yang begitu kuat, tetapi mereka jelas berjaya menakutkan seluruh dunia, merosakkan ekonominya, dan menghapuskan kewarasan pemikiran semua pihak dengan tindakan mereka. Kebolehan berfikir sudah hilang dan semua pihak bertindak mengikut nafsu, mengikut perasaan marah dan keinginan membalas dendam sahaja

12. Kuasa besar yang tidak pernah diserang berasa amat marah apabila segala simbol kegagahan ekonomi dan ketenteraan mereka diserang dan dihancurkan. Pada mulanya dunia bersimpati dengan mereka dan ingin menyertai tindakan mereka untuk memburu pengganas. Tetapi hari ini komitmen untuk menyertai peperangan melawan pengganas oleh kebanyakan negara di dunia sudah pudar kerana peperangan melawan pengganas sudah beralih menjadi permusuhan terhadap penganut agama Islam, tanpa membeza di antara kawan dan lawan. Negara yang memberi kerjasama pun dianggap sebagai musuh yang tidak boleh dipercayai, dan lawatan-lawatan ke negara-negara ini disekat.

13. Kita merasai agak keterlaluan apabila sebuah negara Islam mendakwa bahawa kuasa terbesar di dunia adalah Syaitan terbesar. Tetapi dakwaan ini tidak jauh berbeza daripada dakwaan bahawa Iraq, Iran dan Korea Utara adalah "Axis Of Evil". Di masa yang sama sementara Iraq dan Iran dikutuk dengan kuat dan ugutan dibuat untuk menyerang negara-negara ini, Korea Utara yang mengaku memiliki senjata nuklear, satu "weapon of mass destruction," tidak pula diugut akan diserang dan pemimpinnya disingkirkan. Apakah sebabnya terdapat diskriminasi antara Iraq, Iran dan Korea Utara? Apakah tidak kerana Iran dan Iraq adalah negara Islam?

14. Perkara ini disebut bukan kerana kita anti-barat atau anti kuasa besar tertentu, atau anti-kulit putih. Ia disebut kerana ia adalah kenyataan. Dan kenyataan ini tetap akan merenggangkan hubungan antara orang Islam dan kuasa-kuasa Barat. Ia juga akan menambah persepsi orang Islam bahawa Barat adalah anti-Islam. Dan persepsi ini akan menjejaskan kerjasama orang Islam dengan negara-negara Barat dalam memerangi keganasan antarabangsa

15. Dengan diskriminasi seperti ini tidak hairanlah jika orang Islam bertambah marah dan tidak dapat bertindak secara yang waras. Segala tindakan yang diambil oleh semua pihak hanyalah didorong oleh perasaan marah, benci dan dendam. Sampai bilakah umat manusia hendak berlawan dendam ini?

16. Alhamdulillah, kita di Malaysia berada dalam keadaan aman dan tenteram. Kita dapat berpuasa dengan sempurna dan kita akan rayakan Hari Raya Aidilfitri dalam keadaan yang juga sempurna. Kita boleh tepuk belakang kita kerana nasib baik

kita. Tetapi kita juga harus ingat bahawa terdapat di kalangan kita orang yang tidak bersyukur dengan nikmat yang banyak yang didapati oleh kita di negara yang bertuah ini.

17. Kita anggap amat malang kerana ada rakyat Malaysia yang berminat dengan keganasan bukan untuk melawan musuh-musuh Islam yang menindas orang Islam, tetapi untuk mencetuskan huru-hara dan merampas kuasa di negara sendiri yang sudah pun diperintah oleh kaum sebangsa dan seagama dengan mereka. Kerana kecewa dengan demokrasi dan pemilihan untuk mendapat kuasa Kerajaan, mereka telah pergi ke Pakistan dan Afghanistan kononnya untuk belajar agama tetapi sebenarnya untuk belajar membuat bom dan menyamun bank, membunuh dan melakukan keganasan lain sebagai persiapan untuk merampas kuasa di negara ini. Kononnya mereka ingin mendirikan negara Islam di Malaysia. Umum mengetahui bahawa Malaysia sudah pun negara Islam. Ini diiktiraf oleh dunia termasuk semua negara Islam lain yang juga mendakwa secara terbuka bahawa Malaysia adalah contoh bagi negara Islam yang mereka ingin meniru.

18. Kepercayaan bahawa yang dikehendaki oleh Islam hanyalah aqidah tanpa kemajuan di dunia adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Apakah sebabnya yang setiap kali kita berdoa kepada Allah s.w.t kita pohon kebahagiaan di dunia dan juga kebahagiaan di akhirat? Kita tidak minta kebahagiaan di akhirat sahaja. Apakah bahagia orang-orang Afghanistan yang begitu disanjung tinggi oleh puak ini, yang hidup merana di bawah pemerintahan Taliban, pemerintahan yang diruntuh dengan mudah oleh kuasa Barat dan meninggal sebuah negara yang menjadi pengemis dan terletak di bawah telunjuk orang? Inikah jenis negara Islam yang hendak didirikan di Malaysia? Penduduk Afghanistan tidak hidup bahagia sekarang atau dahulu. Ramai yang terpaksa lari ke negara lain. Berapa ramaikah rakyat Malaysia yang beragama Islam yang terpaksa lari dari negara ini kerana dihalang daripada mengamal ajaran Islam?

19. Mereka yang ingin mengguna keganasan untuk merebut kuasa di Malaysia bukan berhajat untuk mendirikan negara Islam tetapi sebenarnya mereka keliru dan tidak faham akan apa dianya negara Islam. Bagi mereka negara Islam diukur daripada pakaian, terutama pakaian wanita, dan pengasingan mereka untuk mengurangkan nafsu lelaki yang buas. Bahawa agama Islam menyuruh lelaki berjihad membendung nafsu diri sendiri tidak dihiraukan. Kerana tidak hendak digoda, wanita tidak pun dibenar bersekolah, menuntut ilmu atau bekerja. Dengan ini separuh daripada tenaga manusia Afghanistan diresapkan. Sesungguhnya ilmu dan pengetahuan agama yang ada pada Taliban ini cukup cetek dan kemampuan mereka mempertahankan diri apabila diserang musuh begitu lemah sehingga dalam jangka masa hanya satu bulan mereka ditewas oleh orang asing. Yang mereka

mampu hanyalah melawan dan merebut kuasa daripada orang yang sebangsa dan seagama dengan mereka.

20. Demikian jugalah dengan pelampau militan Malaysia. Musuh mereka yang sebenar ialah orang Islam lain. Tindakan yang mereka rancang ialah di Malaysia, yang mana kesan buruknya akan dirasakan oleh negara sendiri. Yang menjadi mangsa mereka ialah orang Islam dan negara Islam sendiri. Sebabnya negara-negara Islam semuanya lemah ialah kerana pertikaian dan rusuhan yang diadakan oleh pelampau yang bertopeng Islam dalam masyarakat Islam sendiri. @

21. Di Malaysia kita memberi kebebasan kepada rakyat untuk memilih pemimpin dan Kerajaan. Kebebasan ini bukan olok-olok kerana jika dikehendaki oleh rakyat mereka boleh memilih pembangkang juga sebagai wakil mereka, bahkan sebagai Kerajaan mereka. Tidak ada sebab kenapa pemilihan wakil dan Kerajaan secara bebas tidak boleh digunakan oleh sesiapa yang tidak puas hati dengan pemerintahan yang ada. Tidak ada sebab untuk sesiapa merebut kuasa secara ganas. Tidak ada sebab bagi sesiapa mencetuskan huru-hara, sesuatu yang dilarang oleh agama Islam, untuk mengambilalih kuasa.

22. Keadaan di Afghanistan tidak sama dengan keadaan di Malaysia. Negara kita adalah negara berbilang kaum dan agama. Negara ini aman di mana semua rakyat mendapat banyak nikmat yang tidak dinikmati oleh rakyat Afghanistan. Tidak ada sesiapa yang ditindas atau dihalang daripada mengamalkan amalan yang sah dalam agama mereka. Orang Islam di Malaysia bukan sahaja bebas beribadat tetapi dibantu oleh pihak Kerajaan untuk beribadat. Selamat dan amannya negara ini adalah nikmat yang besar bagi kita semua beribadat. Lihatlah keadaan orang Islam di negara lain, termasuk Afghanistan di zaman Taliban dan selepasnya. Orang Islam terganggu dalam menunaikan ibadat kerana tidak ada kestabilan, kerana terlalu miskin, kerana berada dalam ketakutan diserang oleh orang-orang yang tidak menghormati undang-undang dan adat resam. Inikah contoh yang baik sebagai negara Islam?

23. Jika benarlah penganas ini ingin berjuang mempertahankan Islam, terdapat banyak tempat yang orang Islam ditindas, dihina dan dibunuh setiap hari. Pergilah ke sana dan berjuanglah. Perjuangan di Malaysia ialah untuk mengekalkan keamanan dan memperkayakan negara dalam semua bidang supaya dapat kita kukuhkan ketahanan kita dan menggerunkan musuh-musuh kita seperti yang dituntut oleh agama Islam. Hari ini pun kita adalah lebih berdayatahan daripada kebanyakan negara Islam lain, dan percubaan untuk melemahkan kita dan meletakkan kita di bawah kuasa-kuasa antarabangsa dapat kita tangkis dan gagalkan. Sesungguhnya mereka yang cuba mencetuskan huru-hara melalui keganasan mengkhianati negara kita sendiri bahkan

mengkhianati Islam yang menyuruh kita selamatkan umat Islam. Demikianlah ketahanan negara kita sehingga dapat juga sedikit sebanyak kita memberi perlindungan kepada negara-negara Islam dan orang Islam lain, dan negara-negara membangun yang tertindas sekarang.

24. Kepada puak yang berhasrat untuk mengguna keganasan, samada dalam tahanan atau di luar, saya seru supaya insaf akan segala nikmat yang kita perolehi di negara ini, segala kekayaan dan kekuatan yang ada pada kita yang juga dapat ditumpang oleh orang Islam lain. Saya seru supaya mereka insaf dan bertaubat. Kembalilah ke pangkal jalan. Kembalilah ke pangkuan masyarakat. Sama-samalah kita berusaha untuk memperkaya dan memajukan negara kita Malaysia, meningkat ketahanannya supaya kita tidak lagi akan dijajah oleh kuasa-kuasa asing.

25. Kita tahu bahawa kita sedang menghadapi cabaran yang amat besar. Kita tahu globalisasi boleh menjadikan kita dijajah sekali lagi. Cabaran sekali ini lebih halus dan lebih tajam. Jika kita asyik dengan bermusuhan sesama kita, kemungkinan besar kita akan menjadi begitu lemah sehingga mudah dikuasai oleh penjajah kita yang dahulu. Jangan ingat mereka senang hati dengan kebebasan kita. Jangan ingat sekali merdeka selama-lamanya merdeka.

26. Kita dapat lihat sendiri beberapa negara yang begitu berbangga dengan kemerdekaan mereka tetapi terpaksa mengikut telunjuk kuasa asing atau proksi mereka. Kita tidak akan lihat penempatan tentera secara fizikal tetapi negara yang terpaksa mengikut telunjuk kuasa asing tidak merdeka sebenarnya.

27. Alhamdulillah sehingga kini kita masih bebas. Tetapi jika kerana huru-hara disebabkan keganasan dalam usaha merebut kuasa, negara menjadi lemah, ekonomi runtuh, dan stabiliti politik terjejas, lambat laun negara akan dikuasai oleh orang asing juga. Semangat, keberanian dan kesanggupan untuk menggadai nyawa dengan sendirinya, tanpa kekuatan ekonomi dan kestabilan politik tidak akan menjamin ketahanan negara.

28. Bersyukurlah dengan keamanan, kestabilan dan kebebasan negara ini. Janganlah terbawa-bawa dengan kononnya perjuangan untuk Islam yang dibawa oleh orang yang begitu kecewa dengan keadaan buruk di negara mereka. Allah s.w.t. menyuruh kita bersabar. Jika kita insaf dan kita hargai nikmat yang banyak yang kita dapati di negara bertuah ini, janganlah kita membuat sesuatu yang kita akan menyesal kemudian. Bukanlah mudah untuk kita majukan negara ini. Bukanlah mudah bagi mengekalkan keIslaman negara berbilang agama ini. Penerimaan oleh bukan Islam akan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara adalah satu kejayaan yang besar bagi umat Islam di Malaysia. Di zaman

penjajah, Islam tidak diisytihar sebagai agama rasmi dan pelajaran agama Islam tidak dijadikan tanggungjawab Kerajaan. Di zaman penjajah orang Islam telah menjadi minoriti di negara sendiri. Tidak ada pejuang Islam militan di masa itu yang sanggup melawan penjajah untuk membebaskan negara dan menjadikannya negara Islam. Tetapi apabila ternampak kemerdekaan akan dicapai maka barulah muncul pejuang negara Islam kononnya yang hanya berani bermusuhan dengan orang Islam lain

29. Cubalah hargai kejayaan pejuang-pejuang kebangsaan dan agama yang berjaya membebaskan negara ini daripada cengkaman penjajah. Janganlah begitu angkuh dan sombong sehingga menidakan jasa pejuang-pejuang ini dan menganggap diri sendiri sebagai pejuang kononnya tetapi hanya berani berjuang melawan orang sebangsa dan seagama.

30. Kerana kegiatan puak pelampau ini Malaysia sekarang dituduh sebagai pusat penganas. Ini pun sudah membawa kesan buruk kepada negara ini. Jika penganas ini tidak dibendung maka nasib negara ini akan menjadi sama malang seperti nasib negara-negara tertentu yang ditekan dan ditindas dengan sewenang-wenangnya.

31. Melawan penganas bukanlah seperti menangani jenayah biasa. Kita tidak boleh tunggu sehingga mereka meletupkan bom dan membunuh ramai orang sebelum bertindak. Kita perlu cegah keganasan daripada berlaku. Amatlah tidak bertanggungjawab jika kita tahu siapa dianya penganas dan kebolehan serta kemungkinan mereka menganas tetapi kita tunggu sehingga mereka lakukan jenayah mereka. Sebab itu sekarang negara yang begitu demokratik pun telah menahan orang yang disyaki sebagai penganas tanpa peruntukan undang-undang.

32. Di Malaysia kita mempunyai undang-undang pencegah seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk mencegah keganasan daripada berlaku. Sebenarnya keganasan yang mengancam kita sekarang lebih merbahaya daripada serangan komunis. Penganas sekarang mampu melakukan serangan yang lebih dahsyat yang tidak mengambilkira siapa yang terbunuh secara sampingan atau sebagai sasaran.

33. Tuduhan orang asing dan kepercayaan sesetengah orang di Malaysia bahawa Kerajaan mengambil kesempatan untuk bertindak terhadap parti lawan adalah tidak munasabah. Yang mampu mengancam kedudukan Parti Kerajaan ialah kepimpinan tinggi parti lawan. Yang dimasukkan dalam tahanan adalah orang yang tidak pun dikenali dahulu sebagai orang yang penting dalam parti lawan

34. Memang mereka ada kaitan dengan parti lawan. Tetapi parti lawan tertakluk kepada undang-undang dan tidak ada keistimewaan bagi mereka. Kita biasa kenakan undang-undang yang sama kepada anggota Parti Kerajaan pun. Tidak ada tujuan politik yang mempengaruhi tindakan terhadap mereka yang ditahan di bawah ISA atau undang-undang biasa. Yang diutamakan ialah bukti yang menyakinkan pasukan keselamatan akan rancangan pengganas untuk melancarkan serangan ganas.

35. Rakyat dan siapa sahaja yang terlibat dengan penguatkuasaan undang-undang perlu faham akan betapa seriusnya ancaman keganasan. Jika ia tidak berlaku di Malaysia sebabnya ialah kerana kita bertindak pantas untuk mencegahnya. Janganlah sesiapa kerana menyayangi Kerajaan atau bersimpati dengan orang yang konon dianiaya kerana politik cuba menggagalkan usaha Kerajaan menyelamatkan negara ini. Semua pihak tanpa kecuali mesti menghormati undang-undang yang sah di negara ini. Jika kita tidak puas hati dengan undang-undang ini ada cara yang sah untuk menggugurkannya. Tetapi selagi ia berkuatkuasa semua pihak tanpa kecuali mesti menghormati dan menjunjung tinggi undang-undang. Kita mengamalkan pemerintahan berasaskan undang-undang dan kita aman dan bebas daripada keganasan kerana kita amalkan cara ini. Janganlah sesiapa mengecualikan diri daripada undang-undang yang sah yang berkuatkuasa di negara ini.

36. Dalam suasana yang muram di seluruh dunia, yang menyebabkan ekonomi dunia tidak berkembang maju, saya gembira kerana dapat melaporkan bahawa ekonomi negara masih dapat tumbuh pada kadar yang baik iaitu 5.6 peratus dalam suku ketiga tahun ini.

37. Pertumbuhan ini berlaku kerana Kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan negara. Hampir semua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan. Walau pun ada usaha pihak asing untuk menimbulkan kecurigaan terhadap kestabilan Malaysia, kita dapat menangkis percubaan ini. Insyallah kita akan dapat kawal kestabilan negara kita supaya rakyat Malaysia dapat hidup bahagia dan makmur.

38. Potensi untuk pemulihan ekonomi negara masih baik. Tetapi bukanlah Kerajaan sahaja yang perlu berusaha, semua pihak perlu tentukan tidak akan berlaku apa-apa yang boleh menjejaskan potensi kemajuan negara kita. Janganlah kerana hendak tunjuk kebebasan demokrasi, kita sengaja membuat sesuatu yang boleh menjejaskan keadaan yang baik yang kita nikmati sekarang.

39. Malaysia sudah dilihat sebagai negara Islam contoh oleh dunia luar. Marilah kita buktikan bahawa kita boleh berjaya lebih lagi. Marilah kita umat Islam di Malaysia tanpa mengira

apa fahaman politik, marilah kita bersatu dan kembali kepada ajaran Islam yang asas, ajaran Islam yang sebenar. Bersama dengan rakyat bukan Islam, usahalah mengekal keamanan dan memajukan negara bertuah ini.

40. Hari Raya Aidilfitri adalah peluang baik bagi umat Islam menunjuk persaudaraan Islam. Marilah kita bermaaf- maafan dan berkunjung ke rumah saudara-mara serta rakan- rakan kita samada yang rapat ataupun tidak. Janganlah kita lupa menjemput rakan-rakan kita yang bukan Islam kerana ini akan merapatkan lagi hubungan antara kita dan menjaga keharmonian sesama kita. Buktikanlah kepada dunia luar bahawa Islam bukanlah agama yang ganas, dan umat Islam bukanlah pengganas yang digambarkan. Tunjukkanlah bagaimana kita umat Islam di Malaysia, walaupun terdiri daripada kaum majoriti, boleh berlaku adil terhadap masyarakat bukan Islam. Marilah kita buktikan apakah dianya agama Islam yang sebenar dan apakah dianya peribadi seorang Muslim yang sebenar.

41. Di hari yang menggembirakan ini, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya kepada seluruh anggota pasukan keselamatan yang tanpa sikap profesional dan dedikasi mereka menjalankan tugas, sudah tentu kita tidak dapat merayakan hari ini dengan suasana aman damai. Saya juga mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua kakitangan Kerajaan dan rakyat Malaysia, di mana juga mereka berada

42. Kepada pengguna-pengguna jalanraya yang di dalam perjalanan pulang ke kampung, pandulah dengan cermat. Utamakanlah keselamatan diri dan keluarga. Adalah lebih baik kita sampai lambat sedikit ke destinasi dengan selamat daripada ditimpa kemalangan.

43. Sekali lagi, saya sebagai Perdana Menteri dan sebagai seorang Muslim, serta bagi pihak keluarga, saya memohon maaf zahir dan batin dan mengucapkan Hari Raya Aidilfitri, kepada semua umat Islam di Malaysia.